

07/10/1997

PM kemuka usul mengenai jerebu

reports on "Dewan Rakyat" by Radzi Wahab; Ebi Azly Abdullah
KUALA LUMPUR, Isnin - Kerajaan membentangkan usul khas mengenai jerebu
mengandungi enam ketetapan mengenai masalah pencemaran udara yang melanda
negara sejak tiga bulan lalu.

Usul yang dibuat oleh Perdana Menteri itu dibentangkan Timbalan Perdana
Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim selepas sesi soal jawab pada hari
pertama persidangan Parlimen penggal ketiga, hari ini.

Antara lain, ia menyebut:

* Bahawa, Dewan ini memandang berat masalah jerebu merentas sempadan
yang melanda rantau ini pada masa ini, khususnya betapa serius kesannya ke
atas negara dari segi alam sekitar, ekonomi, sosial dan kesihatan rakyat
serta ancaman dan gangguan kepada pengangkutan udara dan laut;

* Mengambil maklum akan langkah yang diambil oleh kerajaan di peringkat
kebangsaan, serantau dan antarabangsa untuk menangani masalah ini dan
kerjasama yang diberikan kepada Indonesia;

* Melahirkan penghargaan terhadap tindak balas yang ditunjukkan oleh
masyarakat antarabangsa dan organisasi pelbagai hala untuk membantu negara
di rantau ini yang dilanda bencana alam sekitar yang di luar jangkauan ini.

Dengan ini, mengambil ketetapan seperti berikut:

* Menyokong inisiatif yang diambil oleh Indonesia untuk melaksanakan
langkah baik pulih yang lebih berkesan di negaranya untuk memadamkan
kebakaran hutan dan tanah, serta mewujudkan langkah yang lebih berkesan
untuk mencegah berulangnya perkara ini pada masa akan datang;

* Menyokong usaha kerajaan untuk meneruskan apa juga kerjasama yang
dapat diberikan kepada Indonesia untuk membantu negara berkenaan menangani
masalah jerebu masa ini;

* Menyokong masyarakat antarabangsa dan organisasi pelbagai hala untuk
bertindak balas dengan lebih positif dalam membantu menangani bencana alam
ini; dan

* Menyokong tindakan yang diambil kerajaan di peringkat kebangsaan,
serantau dan antarabangsa untuk mengatasi masalah ini.

(END)